

Perjuang isu kebajikan, penguasaan kemahiran pelajar

Kuala Lumpur: Calon mendapat mandat pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2017/2018 diharap proaktif memperjuangkan isu berkaitan kebajikan dan kepentingan penguasaan kemahiran dalam kalangan mahasiswa.

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembangunan Manusia) di Universiti Putra Malaysia (UPM), Noorazeaty Maulad Mohd Khalif, berkata aspek kebajikan mahasiswa yang perlu diberi perhatian meliputi kewangan, pengangkutan, biasiswa dan pinjaman.

"Tidak dinafikan bahawa kebanyakannya pelajar sekarang



Saya mahu melihat ada calon MPP berfikir di luar kotak dengan menganjurkan lebih banyak program akademik untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar"

Muhamad Arif Mohamad Ruzi,
Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Reka Bentuk dan Pembuatan Terbantu Komputer), UPM

mendapat pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tetapi masih ada segelintir mengalami masalah kewangan atas sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan.

Tingkat daya saing

"Golongan sebegini patut diutamakan tetapi pada masa sama, ahli MPP juga tidak boleh memandang ringan permasalahan dihadapi pelajar lain, termasuk dari segi keselamatan dan kemudahan awam di kampus secara keseluruhan," katanya.

Sementara itu mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Reka Bentuk



Nurul Ayda Yusnira menggunakan kreativiti untuk memasang poster yang membentuk namanya dalam kempen pemilihan.

dan Pembuatan Terbantu Komputer) di Universiti Malaya (UM), Muhamad Arif Mohamad Ruzi, pula berkata perwakilan juga perlu memberi tumpuan pada usaha menambah program

akademik yang dapat memperkasa kemahiran insaniah pelajar bagi meningkatkan daya saing mereka dalam pasaran kerjaya kelak.

"Jika program dianjurkan mendapat kerjasama

industri, akan menjadi bonus kerana pelajar boleh membina rangkaian hubungan baharu sebagai persediaan menjalani latihan praktikal atau memohon pekerjaan nanti," katanya.